



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 11 TAHUN 2008

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING AM
BIL. 1 TAHUN 2008
MENGENAI HAD NILAI PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN
KELULUSAN TEKNIKAL JTICT/JPICT BAGI PERMOHONAN
YANG TIDAK MELIBATKAN PEMBANGUNAN SISTEM
APLIKASI**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

8 OKTOBER 2008

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881199
Faks : 603-88883721

Rujukan Kami : UPTM(S)159/267/2klt.23(11)

Tarikh : 8 OKTOBER 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 11 TAHUN 2008

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING AM
BIL. 1 TAHUN 2008
MENGENAI HAD NILAI PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN
KELULUSAN TEKNIKAL JTICT/JPICT BAGI PERMOHONAN YANG TIDAK
MELIBATKAN PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI**

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan kepada perenggan 6.2(b)(iii) dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2008 mengenai had nilai projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) / Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) bagi permohonan yang tidak melibatkan pembangunan sistem aplikasi.

PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2008

2. Perenggan 6.2(b)(iii) dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2008 **dipinda** dengan perenggan 6.2(b)(iii) yang baru seperti berikut:

- (a) Perolehan ICT yang bernilai RM50,000 dan kurang daripada RM200,000 hendaklah mendapat kelulusan teknikal daripada Urus setia

JPICT Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan/Agensi masing-masing;

- (b) Perolehan ICT yang bernilai sehingga RM50,000 hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan/Agensi/Pusat Tanggungjawab dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007 mengenai Had Nilai dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan. Pandangan teknikal daripada Bahagian/Unit/Seksyen Teknologi Maklumat Jabatan/Agensi hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perolehan yang memerlukan kepakaran teknikal;
- (c) Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan supaya mekanisme pemantauan pelaksanaan perolehan ICT diperkemas supaya perolehan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

TARIKH KUATKUASA

- 3. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

- 4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)
Ketua Setiausaha Negara